



Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah terima Anugerah Tokoh Akademik Negara (AAN) Ke-14



PUTRAJAYA, 24 Mac - Pensyarah Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohamad Yusoff dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Akademik (AAN) Ke-14 di sini

Majlis penyampaian anugerah berprestij itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Noraini Ahmad.

Pemilihan Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah adalah berdasarkan jasa dan sumbangannya kepada industri ternakan ayam menjadikannya Pensyarah Houghton ke-3 oleh Houghton Trust yang berpangkalan di UK (2001), Hadiah Carlos J Finlay (2005) untuk Kerja Berjasa dalam Mikrobiologi dan Pingat Albert Einstein oleh UNESCO.

Selain itu, beliau memenangi Anugerah Saintis Muda Kebangsaan pada tahun 1990. Beliau juga telah dianugerahkan Pensyarah Mendel Ke-8 (2009), Ahli Mikrobiologi Terbaik (2009), Anugerah Zakri (2013), dan Anugerah Wanita Pencapaian Penyelidikan Saintifik Sepanjang Hayat Malaysia (2019).

Pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah memperkasakan beliau untuk membawa penyelidikan dan pengajaran ke tahap yang cemerlang dan lebih luas.

LIHAT JUGA



WAZAN launches Zakat and Waqf al-Falah Month UPM 2022 /berita
/wazan_launches_zakat_and_waqf_al_falah_mo
nth_upm_2022-66472)



Mohammad Haziq Zikri dipilih YDP MPP UPM 2021/2022 /berita
/mohammad_haziq_zikri_dipilih_ydp_mpp_upm_2021_2022-66471)



UPM, Nestle Malaysia jalin kerjasama Program PUTRACNAP /berita
/upm_nestle_malaysia_jalin_kerjasama_progra
m_putracnap-66470)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

+603-9769 1000



pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)



Tarikh Input: 18/04/2022 | Kemaskini: 18/04/2022 | hairul_nizam

20/4/2022, 11:30 am